

27/11/1999

Ezam ada dokumen palsu: PM

Azhar Abu Samah; Noor Jaafar

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohamed Ezam Mohd Noor tidak mempunyai dokumen penting kerajaan seperti didakwa sebelum ini, kecuali surat palsu yang dicipta untuk memfitnah pemimpin kerajaan.

Perdana Menteri berkata, beliau masih menunggu enam peti dokumen yang kononnya akan didedahkan sebaik saja Parlimen dibubarkan, tetapi hingga sekarang Mohamed Ezam masih belum melakukannya.

Katanya, parti pembangkang hanya ada surat palsu yang bertujuan menimbulkan kebencian rakyat terhadap kerajaan dan pemimpin Barisan Nasional (BN) supaya pengundi beralih kepada mereka.

Beliau berkata, pendekatan Pas, Keadilan, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) ialah berbohong dan memfitnah, termasuk mendakwa kerajaan mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel.

"Mereka menyebarkan surat yang kononnya ditandatangani oleh saya untuk meminta pertolongan Perdana Menteri Israel, Ehud Barak supaya orang Islam negara ini benci kerajaan yang mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel.

"Semua perkara itu bohong, termasuk alamat yang digunakan dalam surat itu iaitu blok tiga Putrajaya, sedangkan pejabat sebenarnya di Blok Lima, Putrajaya.

"Tandatangan pada surat itu juga bukan tandatangan saya dan saya tidak pernah menulis surat macam ini," katanya pada upacara pecah tanah projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud, di sini hari ini.

Sambil menyifatkan perkara itu sebagai menggambarkan kebodohan pembangkang, Dr Mahathir berkata, beliau juga tidak boleh menghantar surat kerajaan sebagai mewakili Umno kerana beliau ketua kerajaan BN.

"Ini barang kali salah satu dokumen daripada enam kotak yang Ezam ada. Saya juga tidak pernah guna nombor rujukan surat bermula dengan Che Det (nama panggilan) dalam surat rasmi kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, satu lagi pembohongan pembangkang ialah menyebarkan memorandum Tun Daim Zainuddin (Menteri Kewangan Pertama) yang didakwa menekan bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid supaya mendedahkan pelbagai penyelewengan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Ini juga satu penipuan yang mereka buat dan tidak lama lagi makin banyak akan keluar cerita mengenai kerajaan. Semuanya ini adalah fitnah belaka," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kolumnis Harakah, Subky Latif yang akan menentanginya di Parlimen Kubang Pasu, Kedah juga penipu besar kerana menggunakan lidah rasmi Pas itu menuduh beliau tidak pernah bersembahyang Subuh.

Beliau berkata, semakin dekat pilihan raya, Pas akan meningkatkan fitnah, termasuk mencari nama syarikat milik anaknya untuk menggambarkan kononnya mereka kaya kerana bapa Perdana Menteri.

"Mereka mengeluarkan senarai 95 syarikat kepunyaan Mirzan, sedangkan anak saya bukan pemilik syarikat terbabit, cuma menjadi pengarah dan ada sebagai pengurus dalam dua atau tiga syarikat yang dibayar gaji.

"Jadi pengarah tidak bermakna memiliki syarikat. Siapa saja yang berkebolehan, kadang-kadang pegawai kerajaan juga dipilih menjadi pengarah dan kalau dibayar pun cuma elaun," katanya.

Menurutnya, mengikut Harakah, jumlah syarikat itu sah di antara 1995 dan 1998, dan sekiranya Mirzan menerima RM10,000 elaun bulanan daripada setiap

syarikat, bermakna elaun bulanan beliau ialah RM950,000.

"Ini perkara tidak benar yang dicipta dan dicetak Pas dengan melemparkan fitnah supaya orang membenci anak saya dan membenci saya, kononnya menyalahgunakan kedudukan untuk memperkayakan keluarga.

"Anak perempuan saya (Marina), yang banyak membuat kerja kebajikan menolong orang sakit, termasuk Aids, pula dikatakan mendapat kontrak membekalkan kelengkapan langsir di Putrajaya. Itu juga tidak benar sama sekali dan Harakah menyebut kononnya semua anak saya terbabit dalam perniagaan dan mendapat layanan istimewa kerajaan.

"Sebenarnya, anak saya marah kepada saya kerana mereka bukan saja tidak ditolong, malah ditegah mengadakan urusan dengan kerajaan," katanya.

(END)